

ACD. 7102
INV. No. 16/1997. MSSY

PENGHASILAN DAN PENILAIAN
HALAMAN WEB SEJARAH DUNIA TINGKATAN EMPAT

CHAN YUEN FOOK

Disertasi ini dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada keperluan penyelidikan Sarjana Pendidikan di
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

Kuala Lumpur

1997

Dimikrofiksas pada 16.07.1998
No. Mikrofis..... 13626
Jumlah Mikrofis..... 3

Perpustakaan Universiti Malaya



A507466951

UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

Untuk ibubapa, isteri, anakku

dan adik-beradikku...

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk mengumpulkan maklum balas berkenaan dengan penghasilan dan penilaian laman Jaring (halaman Web) yang berkesan bagi matapelajaran Sejarah Dunia bagi Tingkatan Empat berdasarkan sukanan pelajaran di Malaysia. Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah yang terlibat dalam Projek Jaringan Pendidikan. Penyelidik menggunakan *HyperText Markup Language* untuk menghasilkan Laman Jaring Sejarah Dunia (Halaman Web Sejarah Dunia). Laman Jaring ini dihasilkan berdasarkan kriteria-kriteria laman Jaring yang berkesan menurut cadangan Lemay (1996) dan Smith & Bebak (1996). Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah Pendekatan Penyelidikan dan Pembangunan. Penilaian formatif dalam kajian ini telah direkaciptakan oleh penyelidik berdasarkan Model Borg (1983). Ia terdiri daripada Ujian Awal (empat orang guru), Ujian Utama (lapan orang pelajar), Ujian Operasional (16 orang pelajar) dan Ujian Keseluruhan Kelas (30 orang pelajar). Penilaian formatif terhadap laman Jaring ini dijalankan untuk memastikan kesahan kandungan dan mengenalpasti kriteria-kriteria bagi laman Jaring yang berkesan. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menentukan sama ada aktiviti yang berasaskan Laman Jaring itu telah sedia digunakan untuk pengajaran bab pertama Sejarah Dunia. Kajian ini mendapati bahawa laman Jaring yang berkesan mempunyai kriteria-kriteria tertentu seperti: Penyusunan tajuk-tajuk kecil mengikut turutan yang logik, dan mempunyai kandungan yang sesuai dengan sukanan pelajaran. Dikemaskini

selalu dan tiada mengandungi unsur-unsur diskriminasi bangsa, agama, budaya, dan jantina dalam kandungannya. Penggunaan imej minima, struktur persembahan yang sesuai, dan mempunyai pautan hiper. Rekabentuk yang mudah, susunatur yang seragam dan laman Jaring yang bersifat hiperteks. Kajian ini juga mendapati bahawa pengajaran dan pembelajaran berdasarkan laman Jaring adalah lebih menarik daripada sebarang kaedah pengajaran dalam kelas yang biasa.

ABSTRACT

DEVELOPMENT AND EVALUATION OF FORM FOUR WORLD HISTORY WEB PAGES

The purpose of this research was to acquire feedback on developing and evaluating effective Web pages for Malaysia Form Four World History based on the Malaysian syllabus. This study was conducted in three schools involved in the Jaringan Pendidikan Project. The researcher utilized HyperText Markup Language to develop the World History Web Pages. These Web pages were created based on criteria suggested by Lemay (1996) and Smith & Bebak (1996). The research methodology used in this research was based on the Research and Development Approach. The formative evaluation was designed based on the Borg Model (1983) which consisted of Preliminary Field Testing (four teachers), Main Field Testing (eight students), Operational Field Testing (16 students) and Whole Class Evaluation (30 students). The formative evaluation was conducted to verify and justify its effective content, the presentation criteria and to ascertain whether the World History Web Pages and its activities are ready for use in the teaching of the first chapter of Form Four World History. This study found that effective Web pages should contain certain effective criteria such as logical sequencing of sub-topics, and content that is in line with the syllabus. No discrimination against race, religion, culture, and sex, and up dated from time to time. Minimal images, suitable presentation structure, and hyperlinks with the

other Web pages. Simple design, consistent structure, and hypertext. This research also found that Web pages integrated teaching and learning is more interesting than any other normal class instructional design.

PENGHARGAAN

Pertamanya saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi tunjukajar, bimbingan dan kerjasama sepanjang tempoh saya menjalankan kajian ini, khususnya kepada Pensyarah Penasihat yang juga merupakan Penyelia kajian saya, Prof. Madya Dr. Zoraini Wati Abas. Beliau telah banyak memberi tunjukajar dan teguran kepada saya sepanjang tempoh saya berkursus di Universiti Malaya. Bimbingan dan budibaik beliau telah banyak membantu saya untuk menyempurnakan kajian ini.

Sekalung budi juga buat Prof. Madya Dr. Suradi Salim dan Prof. Madya Dr. Zulkifli A. Manaf yang telah memberi bimbingan kepada penyelidikan saya. Tidak lupa juga penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Siow Heng Loke selaku Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi & Diploma) Fakulti Pendidikan yang telah memberi peluang kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah yang telah mencurahkan ilmu kepada saya sepanjang saya berkursus di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Penghargaan juga ditujukan kepada rakan sekursus saya, Puan Kang Wai Chin yang tidak bosan memberi bantuan dan kerjasama kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang terlibat dalam Projek Jaringan Pendidikan. Terima kasih juga ditujukan kepada pengetua-pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Alam Shah, Sekolah Menengah Bukit Bandaraya dan

Sekolah Menengah Sri Puteri yang sudi memberi kerjasama kepada saya sepanjang kajian ini. Semoga tuhan memberkati mereka.

Tidak lupa juga kepada Puan Ramlah Sahari Razali, guru pakar Bahasa Melayu, dan Encik Narawi Ismail, guru Bahasa Melayu yang sanggup membaca draf awal disertasi saya dan memberi komen terhadap nahu bahasa disertasi saya. Terima kasih juga kepada Puan Zaitun Abdul Rahman selaku Ketua Bahagian Peristilahan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Puan Halimah Hj. Ahmad selaku Pegawai Perancang Bahasa Bahagian Peristilahan Dewan Bahasa dan Pustaka yang mengesahkan penggunaan istilah berkenaan dengan Internet dalam kajian ini. Kerjasama mereka tidak dapat dilupakan buat selama-lamanya.

KANDUNGAN

	Halaman
SENARAI JADUAL	i
SENARAI RAJAH	iii
SENARAI AKRONIM	iv
SENARAI LAMPIRAN	v
GLOSARI	vi
BAB	
I. PENGENALAN	
Pendahuluan	1
Latar Belakang Kajian	8
Laman Jaring Berkaitan Dengan Sejarah Dunia	23
Penghasilan dan Penilaian Laman Jaring	27
Tujuan Kajian	30
Soalan-soalan Kajian	31
Kepentingan Kajian	31
Batasan Kajian	33
Definisi Operasional	33
II. TINJAUAN BAHAN BACAAN YANG BERKAITAN	
Pendahuluan	36
Penghasilan Laman Jaring	36

Teori dan Strategi Pengendalian Aktiviti Penilaian Laman Jaring	44
Penilaian Formatif Bagi Laman Jaring	48
Penutup	55
III. METODOLOGI	
Pendahuluan	56
Penghasilan Laman Jaring Sejarah Dunia	59
Pemilihan Penilai-penilai Laman Jaring Sejarah Dunia	63
Penilaian Formatif Terhadap Laman Jaring Sejarah Dunia	65
Ujian Awal	66
Ujian Utama	68
Ujian Operasional	70
Ujian Keseluruhan Kelas	71
Borang-borang Kajian	72
Analisis Data	74
Penutup	75
IV. DAPATAN KAJIAN	
Pendahuluan	76
Kemudahan Internet dalam sekolah-sekolah kajian	78
Dapatan Kajian Ujian Awal	80
Dapatan Kajian Ujian Utama	93
Dapatan Kajian Ujian Operasional	99
Dapatan Kajian Ujian Keseluruhan Kelas	105
Masalah-masalah Penilaian Formatif terhadap LJSD	116
Penutup	118

V. RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pendahuluan	122
Rumusan	123
Cadangan	126
Penutup	129
RUJUKAN	131
LAMPIRAN	136

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1. Kelebihan Internet kepada Pelajar	9
2. Taburan sekolah-sekolah Projek Jaringan Pendidikan	17
3. Laman Jaring yang berkaitan dengan Sejarah Dunia	26
4. Langkah-langkah Penghasilan Laman Jaring	28
5. Perkara-perkara yang harus dilakukan dalam Penghasilan Laman Jaring	40
6. Perkara-perkara yang perlu dielakkan dalam Penghasilan Laman Jaring	41
7. Sepuluh perkara yang harus dilakukan dalam Penghasilan Laman Jaring	42
8. Sepuluh perkara yang harus dielakkan dalam Penghasilan Laman Jaring	42
9. Model Laman Jaring Sejarah Dunia yang Berkesan	43
10. Perkara-perkara penting dalam Penilaian Formatif	50
11. Ujian-ujian dalam Penilaian Formatif	77
12. Perbandingan Kelengkapan Perkakasan Sekolah Kajian	79
13. Perbandingan Pengalaman Guru-guru dalam Ujian Awal	82
14. Pandangan Guru terhadap Kriteria Kandungan LJSD (Ujian Awal)	87
15. Pandangan Guru terhadap Kriteria Persembahan LJSD (Ujian Awal)	88
16. Pandangan Pelajar terhadap Kriteria Kandungan LJSD (Ujian Utama)	96
17. Pandangan Pelajar terhadap Kriteria Persembahan LJSD (Ujian Utama).....	97

Jadual

18.	Cadangan Perubahan LJSD dalam Ujian Utama	99
19.	Pandangan Pelajar terhadap Kriteria Kandungan LJSD (Ujian Operasional)	103
20.	Pandangan Pelajar terhadap Kriteria Persembahan LJSD (Ujian Operasional)	104
21.	Persepsi Pelajar Terhadap Kesesuaian LJSD dalam Pengajaran	108
22.	Persepsi Pelajar Terhadap Kesesuaian Aktiviti Berdasarkan LJSD	113

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1. Senario Projek	18
2. Penilaian Formatif Sebagai Sebahagian Proses Pembangunan	49
3. Struktur Hirarki Penyusunan Laman Jaring	62
4. Langkah-langkah Penghasilan Laman Jaring Sejarah Dunia	65

SENARAI AKRONIM

CAL	Computer Assisted Learning
CERN	Conseil European pour la Recherche Nucleaire
HTML	Hypertext Markup Language
LJSD	Laman Jaring Sejarah Dunia
Internet	Interconnection & Network
iTX	Information Technology Exhibition
JARING	Joint Advanced Research Integrated Networking
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MNCC	Malaysian National Computer Confederation
MIMOS	Malaysian Institute of Microelectronics System
SGML	Standard Generalized Markup Language
SMAS	Sekolah Menengah Alam Shah
SMBB	Sekolah Menengah Bukit Bandaraya
SMSP	Sekolah Menengah Sri Puteri
WWW	World Wide Web

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Halaman
A1. Borang Aktiviti Sejarah Dunia	136
A2. Borang Aktiviti Sejarah Dunia	142
B. Borang Penilaian Laman Jaring	150
C. Borang Pemerhatian	158
D. Jadual Waktu Aktiviti	159
E. Dokumentasi Laman Jaring	161
F. Perjanjian Penyertaan Penilaian LJSD	164
G. Sekolah-sekolah Dalam Projek Jaringan Pendidikan	165
H. Lembaran Kerja Aktiviti LJSD	166
I. Borang Penilaian Aktiviti LJSD	171

GLOSARI

Perisian Pengimbas Jaring (Browsers): Sejenis perisian yang digunakan untuk menerokai rangkaian untuk mencari dan memperolehi maklumat tanpa mengetahui di mana wujudnya sumber tersebut dan bagaimana bentuk formatnya. Biasanya merujuk kepada perisian pengimbas *World Wide Web* misalnya *Netscape*.

Computer Emergency Response Team (CERT): Satu badan berkuasa yang menjaga Keselamatan bagi Internet. CERT merupakan pusat maklumat berkenaan dengan keselamatan rangkaian, tempat mengenalpasti masalah keselamatan dalam Internet, dan mengatasi masalah-masalah yang timbul.

Dokumentasi: Bahan yang menerangkan rekabentuk, penggunaan dan penilaian program komputer; biasanya merupakan satu kombinasi bahan tercetak dan maklumat yang dikandungi dalam program.

Laman (Homepage): Laman pertama apabila memasuki satu Laman Jaring ataupun memulakan satu perisian pengimbas rangkaian.

Laman Jaring (Web page(s)): Laman elektronik yang dihasilkan dengan *Hypertext Markup Language* (HTML). Biasanya laman Jaring adalah bersifat hiperteks, hipermedia dan mempunyai pautan hiper.

Hiperteks: Merupakan maklumat berpaut dalam laman Jaring. Apabila mengetik sesuatu perkataan yang mempunyai pautan hiper (biasa perkataan yang telah diberi kesan menonjol), kita boleh terus melompat ke dalam laman Jaring yang dikehendaki di dalam pelayan yang sama ataupun dalam pelayan Jaring yang lain. Ia merupakan satu cara yang mudah untuk memperolehi maklumat dengan cepat tanpa menghiraukan di mana simpannya maklumat tersebut.

HyperText Markup Language (HTML): Sejenis bahasa berformat yang diguna dalam pelayan *World Wide Web*. Laman Jaring yang dihasilkan dengan HTML adalah fail-fail yang berada dalam bentuk teks dan mempunyai arahan-arahan HTML yang dimasukkan ke dalamnya.

HyperText Transport Protocol (HTTP): Protokol yang digunakan untuk menghantar laman Jaring bersifat hiperteks di dalam Jaring. HTTP menjadi popular kerana memudahkan penulisan program untuk pelayan. Selain daripada itu, pengguna boleh juga berkomunikasi melalui HTTP.

Internet: Nama bagi sekumpulan sumber maklumat dari seluruh dunia. Ia merupakan rangkaian global bagi rangkaian-rangkaian komputer.

JARING: Singkatan bagi “*The Joint Academic Research Integrated Networking*”, yang membekalkan perkhidmatan pencapaian kepada Internet global. Ia diuruskan oleh MIMOS.

MIMOS: Singkatan bagi “*The Malaysian Institute of Microelectronic Systems*”, yang merupakan pusat kepakaran Malaysia dalam bidang mikroelektronik dan teknologi maklumat.

Modem: Satu akronim bagi “*modulator-demodulator*”. Ia menukar isyarat-isyarat elektronik yang datang dari komputer dalam bentuk digital kepada isyarat-isyarat yang boleh disebarluaskan oleh sistem telefon dalam bentuk analog. Terdapat dua jenis modem iaitu modem dalaman dan modem luaran. Modem dalaman dimasukkan ke dalam komputer. Modem luaran pula boleh dipasang ke dalam satu “pelabuhan bersiri” dalam komputer dengan kabel data.

Mosaic: Mosaic telah dihasilkan di “*the National Centre for Super Computing Applications (NCSA)*” dan mula digunakan pada 1993. Ia telah mencetuskan revolusi dalam rangkaian dan memberi kemudahan pencapaian kepada pengguna-pengguna “Windows”, “Macintosh” dan “Unix”.

Netscape: merupakan satu jenis perisian pengimbas Jaring yang lebih baru, lebih cepat, berasaskan grafik serta mempunyai sifat-sifat keselamatan yang lebih baik, pencapaian yang lebih cepat dan boleh dipercayai. *Netscape* telah dihasilkan oleh “*Netscape Communications*”, yang juga menghasilkan perisian-perisian berkaitan dengan Jaring seperti perisian untuk pelayan. *Netscape* membekalkan lebih banyak ciri menarik daripada perisian pengimbas Jaring yang lain dan ia merupakan perisian berkongsi yang percuma.

Pelayan: Komputer yang mengawal atau menguruskan perkongsian dalam satu rangkaian pengguna-pengguna setempat atau meluas. Ia boleh juga menjadi pelayan yang khusus (tidak digunakan untuk kerja lain) seperti pelayan fail (pusat pencapaian fail) dan pelayan pencetak (menggilirkan penggunaan satu atau lebih pencetak). Biasanya pelayan memerlukan ingatan yang besar dan pemprosesan yang cepat.

Uniform Resource Locator (URL): Kaedah yang digunakan sekarang untuk menetapkan alamat bagi sesuatu bahan di dalam Jaring. URL telah mula digunakan oleh “*perisian non-Jaring client*” sebagai satu cara yang boleh menentukan lokasi bagi fail, alamat surat dan sebagainya.

Jaring (World Wide Web atau WWW): Sebahagian daripada rangkaian yang mudah digunakan dan amat berkuasa. Ia berasaskan grafik dan pautan hiperteks. Ia mempunyai satu badan perisian, satu set protokol dan peraturannya. WWW menggunakan teknik hiperteks dan multimedia untuk menjadikan Jaring itu mudah diterokai, ditinjau, dicari bahan oleh sesiapa. Yang paling penting ialah ia mempunyai pautan untuk diketik supaya pengguna dapat melompat ke dalam laman Jaring dalam pelayan lain di seluruh dunia. Kita memerlukan satu hubungan SLIP atau PPP dan satu perisian pengimbas Jaring seperti *Mosaic atau Netscape* untuk menerokai Jaring.